

13 OCT 1998

APEC-PERDAGANGAN/I

SEMUA EKONOMI APEC AKAN SERTAI PAMERAN PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Semua negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mengesahkan penyertaan mereka dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa APEC Ketiga '98, yang dijadualkan berlangsung di Kuala Lumpur pada 13-16 Nov ini.

Bakal anggota, Peru, Russia dan Vietnam juga mengesahkan penyertaan mereka, kata ketua eksekutif Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Mohammed Abdul Halim Abdul Rahman pada sidang akhbar di sini, hari ini.

MATRADE adalah tuan rumah bagi pameran itu manakala FMM Exhibition Services Sdn Bhd dan Reed Exhibitions Sdn Bhd adalah penganjur dan pengurus acara bagi pameran itu.

Pameran perdagangan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Nov ini.

"Kami gembira apabila semua negara anggota akan menyertai dalam pameran perdagangan APEC tahun ini meskipun krisis ekonomi semasa yang dialami oleh beberapa ekonomi," kata Mohammed.

"Penyertaan negara-negara itu pastinya mencerminkan keyakinan mereka terhadap ekonomi rantau ini dan peluang-peluang besar yang boleh dimanfaatkan di sini," katanya.

Dengan 20,000 pengunjung yang dijangka menghadiri pameran itu termasuk pembeli-pembeli dagangan dari luar negara, ia akan menjadi medan terbaik bagi negara-negara APEC untuk memperkenalkan produk, perkhidmatan dan teknologi mereka, tambahnya.

Mohammed berkata pada 1996, negara-negara APEC menyumbang kepada 46 peratus daripada perdagangan dunia, dengan perdagangan di kalangan anggota APEC berjumlah kepada AS\$3.53 trilion. Ia termasuklah AS\$1.78 trilion dalam eksport dan AS\$1.75 trilion dalam import, katanya.

Bagi Malaysia, perdagangan dengan ekonomi-ekonomi APEC pada 1997 merupakan 78 peratus daripada perdagangan dunia yang berjumlah RM345.9 bilion tahun lalu daripada RM122.5 bilion pada 1990.

"Dengan kemasukan Peru, Russia dan Vietnam dalam APEC pada Nov ini, jumlah dagangan dalam APEC akan malahan menjadi lebih besar," kata Mohammed. Beliau bagaimanapun, tidak dapat memberikan angka sebenar kenaikan itu.

Pameran itu yang bertemakan "Mempertingkatkan Daya Saing Global Menerusi Pembangunan Teknologi dan Sumber Manusia" akan menumpukan kepada teknologi baru dan tenaga kerja mahir yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi APEC.

Ia juga akan mempamerkan produk, teknologi dan program berkaitan dengan "Kesediaan Kecemasan" kerana APEC berusaha keras untuk membina kepakaran dalam bahagian itu bagi mengendalikan krisis alam sekitar di rantau ini.

Antara produk dan perkhidmatan yang akan diperkenalkan termasuklah bahagian dan komponen komputer berteknologi tinggi, kelengkapan telekomunikasi, produk makanan, perabot, perbankan, alat-alat automatif dan perundingan kejuruteraan.

Sehingga kini, lebih daripada enam puluh syarikat Malaysia yang terdiri daripada firma-firma utama dan perniagaan IKS telah mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran itu termasuk Petronas, DRB-Hicom Group, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, Renong Group dan Celcom Malaysia Sdn Bhd.

Serentak dengan itu, MATRADE juga akan menganjurkan Forum Perniagaan

APEC dari 13-16 Nov ini di tempat yang sama dengan pameran perdagangan itu, kata Mohammed.

Sehingga kini, 11 negara telah mengesahkan kehadiran mereka iaitu Kanada, Chile, Mexico, New Zealand, Filipina, Singapura, China Taipei, Thailand, AS, Peru dan Russia, katanya.

-- BERNAMA

NLY ZK OS